



Ahli MPP UKM yang terlibat dengan program isi petrol percuma.



Wajah gembira pelajar dapat isi petrol percuma.

NURHIDAYAH HAIROM

BANGI - Seramai 60 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima manfaat isian minyak petrol percuma anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM, baru-baru ini.

Wakil MPP UKM, Tan Pui San, berkata, penganjuran berkenaan merupakan kali ke tiga diadakan sejak November tahun lalu dengan menyasarkan golongan pelajar kurang berkemampuan.

Menurutnya, ia hanya terhad kepada pelajar yang menunggang motosikal berkuasa 135cc dan ke bawah.

"Kami mengehadkan RM6 untuk setiap motosikal. Penganjuran ini sebagai satu bentuk sumbangan kebajikan kepada pelajar.

"Program ini teretus atas permintaan pihak penderma yang prihatin untuk membantu pelajar kurang berkemampuan dengan menyalurkan suntikan dana untuk melaksanakan program isi petrol percuma ini," katanya kepada Sinar Harian.

Seramai 10 ahli MPP terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

Dalam pada itu, Pui San, berkata, MPP UKM menyasarkan penganjuran program seumpama itu setiap bulan agar lebih ramai pelajar menerima manfaat.

Justeru ujarnya, pihaknya amat mengalu-alukan penglibatan dan sumbangan daripada mana-mana pihak untuk menjayakan misi berkenaan.

"Tanggungjawab kami adalah untuk menjaga kebajikan pelajar, sebelum ini kami juga ada menganjurkan program pemberian makanan percuma.

"Jadi dengan adanya sokongan sumbangan, kami dapat laksanakan pelbagai bentuk program kebajikan kepada pelajar secara berterusan," katanya.

Untuk rekod, sejumlah 180 pelajar telah mendapat manfaat menerusi tiga penganjuran program isi minyak petrol percuma anjuran MPP UKM sejak November tahun lalu.

Sebarang bentuk sumbangan boleh hubungi Pui San di talian 018-311 8227.

Bantu pelajar memerlukan

MPP UKM anjur isi petrol percuma



Program isi petrol percuma dapat sambutan menggalakkan.



Program isi petrol percuma terhad kepada pelajar UKM sahaja.

Info

Pengisian petrol dihadkan RM6 untuk setiap motosikal

